

JULIE'S MAGNIFY – MERCU TANDA IKONIK BARU DI MELAKA

Masa untuk menjelajah atau bertemu semula bandar Melaka melalui ruang foto estetik baharu ini



Melaka, 31 Oktober 2022 – Apakah persamaan diantara kancil, bunga Kesidang dan A-Famosa? Mereka semua merupakan ikon popular yang mewakili warisan Melaka dan kini dengan bangganya dipaparkan pada seni dinding baharu yang dibawakan khas kepada anda oleh Julie's dengan kerjasama Cloakwork, artis grafiti Malaysia yang terkenal di seluruh dunia. Seni dinding yang dinamakan sebagai Julie's Magnify* telah dilancarkan pada 13 Oktober 2022, bertujuan untuk menjadi mercu tanda ikonik baharu yang mesti dilawati di bandaraya Melaka.

Tzy Horng Sai, Pengarah *Julie's Biscuits* berkata, “Sebagai jenama yang lahir di Melaka 38 tahun lalu dan semenjak itu produk Julie's boleh didapati di lebih 80 negara, *Julie's Biscuits* berbangga berpeluang untuk memperkayakan warisan bersejarah dan seni Melaka melalui dinding mural indah ini yang dihiasi seni grafiti. Ia bukan sahaja mempamerkan simbol budaya Malaysia dan Melaka, tetapi juga akan berfungsi sebagai pusat tarikan pelancong yang menarik.”

“Dalam menyuntik lebih keseronokan dan keriangannya dalam jenama *Julie's Biscuits*, kami juga melihat kerjasama kami bersama Cloakwork sebagai sebahagian daripada misi kami untuk mengatasi halangan, serta menghubungkan dan merapatkan jurang antara masyarakat. Kami berharap Julie's Magnifity akan menghubungkan komuniti tempatan, pengunjung dan menyumbang lebih baik dalam menyemarakkan lagi kota Melaka melalui paparan seni ini.”

Kerjasama kreatif antara Julie's dan Cloakwork ini memaparkan lebih daripada 15 elemen yang mewakili Melaka dan Malaysia, juga mengandungi bentuk abstrak dan motif air yang menampilkan produk keluaran Julie's. Julie's Magnifity kini merupakan salah satu seni dinding yang paling besar dan berwarna-warni di bandar ini dan terletak di Jalan Munshi Abdullah, dengan jarak jalan kaki ke Sungai Melaka.

“Saya sentiasa mengagumi bagaimana jenama biskut zaman kanak-kanak saya; *Julie's Biscuits* meneruskan usaha untuk berkembang dan berhubung dengan rakyat Malaysia selama ini. Apabila Julie's mencadangkan idea kerjasama kreatif ini, saya tahu bahawa ia akan menjadi projek yang menarik untuk diusahakan. Peluang untuk mencipta himpunan visual unik yang mewakili bandar Melaka bersama unsur dan warna yang boleh membangkitkan kenangan ceria zaman kanak-kanak adalah pengalaman yang amat bermakna!” kata Cloakwork, yang juga dikenali sebagai Chern.

Julie's Magnifity kini sedia untuk menerima semua pelawat. Untuk melawat mercu tanda ikonik terbaharu ini, [klik di sini](#) untuk lokasi google maps. Tonton [video ini](#) untuk rakaman di sebalik tabir penciptaan Julie's Magnifity. Untuk sebarang kemas kini berterusan tentang promosi, peraduan dan aktiviti terkini Julie's, ikuti kami di Facebook di www.facebook.com/JuliesBiscuits dan Instagram di www.instagram.com/juliesbiscuits.

*Magnifity ialah perkataan yang dicipta daripada gabungan perkataan *Magical Land of Julie's*, *Graffiti* dan *Kreativiti*.



Foto 1: Pemandangan penuh Julie's Magnifity di Jalan Munshi Abdullah, Melaka.



Foto 2: Foto berkumpul dengan Julie's Magnifity, menampilkan biskut Julie's. Dari kiri ke kanan: Pengasas & Pengarah Julie's, Encik Su Chin Hock, Cloakwork, Pengarah Julie's Biscuits, Encik Sai Tzy Horng.



JULIE'S MAGNIFYTY THE NEW ICONIC LANDMARK OF MELAKA!

85, JALAN MUNSHI ABDULLAH, 75100 MELAKA.



Foto 3: Peta mercu tanda Julie's Magnifyty.



Foto 4: Foto berkumpul dengan Julie's Magnifity, menampilkan biskut Julie's. Ahli jabatan pemasaran Julie's dan (dari kiri) Pengasas & Pengarah Julie's, Encik Su Chin Hock, Pengarah Julie's Biscuits, Encik Sai Tzy Horng, Cloakwork.

JULIES MALAYSIA

Mengenai Julie's Biscuits

Julie's adalah jenama biskut pemenang anugerah yang dijual antarabangsa di 80 negara. Ditubuhkan di Melaka, Malaysia dan dipasarkan sebagai Julie's sejak 1985, jenama ini telah menjalani kempen penjenamaan semula tonggakannya pada tahun 2020. Julie, ikon yang berambut perang asli, telah diperbaharui untuk menarik minat pengguna masa kini. Julie kini menggayakan rambut 'bob' yang lebih pendek, cekak rambut berwarna merah dan biru dan melihat ke hadapan penuh dengan keyakinan, mencipta semula tarikannya dengan pengguna generasi baru. Untuk maklumat lanjut mengenai Julie's Biscuits, layari <https://www.julies.com.my/>

Mengenai Cloakwork

Cloakwork, atau lebih dikenali sebagai Chern dilahirkan dan dibesarkan di Kuala Lumpur, Malaysia. Beliau merupakan artis kreatif pelbagai disiplin, dengan fokus profesional sebagai artis graffiti serta ilustrator. Giat melukis di seluruh dunia selama 10 tahun, karya beliau telah dipaparkan secara meluas di pelbagai platform tempatan dan antarabangsa. Cloakwork kerap melakukan lawatan ke seluruh dunia untuk berkongsi minatnya terhadap Graffiti. Ini merangkumi lawatan ke UK, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Indonesia, Mongolia, Colombia dan banyak lagi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wang Shu Fen, Bahagian Penjenamaan & Pemasaran

Emel: shufen@julies.com.my | Tel.bimbit: +6016-9654804

Lim De Hui, Bahagian Penjenamaan & Pemasaran

Emel: dhlm@julies.com.my | Tel.bimbit: +6011-2352 3040